



KENYATAAN BERSAMA

15 Julai 2025

Seruan untuk MMM yang Bebas serta Menumpukan Kepentingan Awam

CIJ dan GERAMM memuji dan mengucapkan tahniah atas [pelantikan rasmi ahli lembaga pengasas Majlis Media Malaysia](#) (MMC). Perkara ini adalah perkembangan penting dalam mencapai ekosistem media yang bebas, pengawalseliaan dari pelbagai pemegang taruh dan penerapan akauntabiliti. Dalam proses penubuhan institusi ini, kami berharap agar usaha ini menjadi langkah awal dalam mencapai ekosistem media yang berpaksikan kepentingan awam.

Landskap media Malaysia telah berhadapan dengan isu-isu seperti penapisan kendiri, penyebaran maklumat palsu, ucapan kebencian, pelaporan yang dipengaruhi perkauman, ketaasuhan, misoginis atau xenofobia, serta penggunaan kecerdasan buatan (AI) dan teknologi baharu dalam memaksimumkan keuntungan dan kelangsungan ekonomi. Untuk meningkatkan keyakinan terhadap media dan mengukuhkan ekosistem maklumat dan kebebasan bersuara, MMC seharusnya menumpukan perkara di atas dalam membentuk asas perjuangannya.

Pertama, kami ingin menekankan kepentingan untuk menangani kebimbangan mengenai perwakilan kerajaan dalam Ahli Lembaga Pengarah MMC yang memberikan implikasi ke atas kebebasan badan ini yang mempunyai kawalan kendiri. Sebelumnya, Menteri Komunikasi telah menyatakan bahawa dua perwakilan kerajaan adalah dalam kalangan individu yang berada dalam industri media atau seseorang yang arif mengenainya.

Sekali pun kami mengalu-alukan jaminan ini sebagai komitmen kerajaan untuk menyokong kebebasan media, penglibatan daripada pihak kerajaan juga memperlihatkan tahap keduduan kerajaan dalam menukuhkan MMC. Justeru, CIJ ingin menekankan bahawa MMC harus kekal bebas serta menumpukan khidmat untuk kepentingan awam tanpa dipengaruhi pertimbangan perniagaan atau politik.

Untuk hal yang kedua berkaitan amalan tidak beretika dalam ekosistem media Malaysia, MMC seharusnya mengeluarkan kod etika bersifat autoritatif untuk wartawan yang mempromosi kepatuhan tinggi terhadap standard yang profesional. Melalui mekanisme aduan dan penyelesaian pertikaian, perkara ini akan memperkasa wartawan dan pengamal media untuk bekerja secara bebas dalam menegakkan integriti kewartawanan. Oleh itu, MMC sewajarnya menunjukkan kredibiliti sebagai sebuah badan kawal selia yang adil dan berkesan.

Pada masa yang sama, MMC mesti mengutamakan persekitaran yang lestari untuk kebajikan pekerja media. Cabaran ekonomi yang dihadapi industri media tempatan seperti pertambahan jumlah

pembuangan kerja dan pengecilan saiz organisasi telah menimbulkan keimbangan mengenai jaminan pekerjaan, gaji tertunggak serta persekitaran kerja yang tidak menentu. MMC perlu bergerak ke arah memastikan pemilik media bertanggungjawab terhadap amalan penggajian yang adil dan melindungi hak-hak wartawan supaya mereka boleh menjalankan tugas tanpa perasaan takut dalam membuat pelaporan awam.

Sebagai penutup, dalam memastikan kerja-kerja MMC tidak bersifat simbolik yang berusaha memuaskan hati media dan orang awam, badan ini mesti merangka sebuah perundangan yang substantif di samping memperjuangkan reformasi institusi.

MMC harus menggesa kerajaan untuk mengulangi komitmen mereka dalam memansuhkan undang-undang yang menekan seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPPA) 1984, Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Seksyen 211 dan Seksyen 233 dalam Akta Komunikasi dan Multimedia, Seksyen 114A dalam Akta Keterangan 1950, Seksyen 203A, Seksyen 499 dan Seksyen 500 dalam Kanun Keseksaan (fitnah jenayah) di samping meminda akta lain seperti Akta Pemberi Maklumat 2010. Tanpa reformasi perundangan yang bergerak secara selari serta segera, keberkesanannya MMC akan diperlekeh serta menjadi sebuah lagi institusi yang gagal di Malaysia.

Melihat kepada perjuangan CIJ dan GERAMM dalam pembentukan MMC, kami akan terus memantau perkembangan badan ini dalam memastikan kejayaannya berdasarkan mandat secara bersama dengan rakan dalam organisasi masyarakat sivil yang lain. Kami berharap MMC akan terus bekerjasama dengan kami melalui proses komunikasi jangka panjang dan rundingan yang tersusun. Sebagai penyokong MMC, kami turut menggesa semua organisasi media untuk menyertai MMC dan pemegang taruh yang terdiri daripada pembuat dasar, masyarakat sivil dan orang awam untuk berganding bahu dalam memelihara integriti media sebagai kuasa keempat dalam demokrasi.

15 Julai 2025